

15 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (PM)

ANWAR TIDAK BERITAHU PM MAKLUMKAN PENGLIBATAN SETIAUSAHA POLITIK

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Pegawai penyiasat kes Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak memberitahunya mengenai kenyataan Perdana Menteri bahawa setiausaha politiknya terlibat dalam kes Anwar.

SAC I Musa Hassan berkata Anwar tidak memaklumkan perkara berkenaan kepadanya termasuk kenyataan bahawa kes itu telah ditutup, pada pertemuan 2 Sept 1997.

Musa, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan berkata demikian pada perbincangan terhadap Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, yang didakwa terhadap empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Tuduhan itu mengikut seksyen 2 (1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-dua jika sabit kesalahan.

Perbincangan dijalankan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Peguam Anwar Christopher Fernando mencadangkan kepadanya bahawa Anwar telah memberitahunya yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memaklumpkannya (Anwar) bahawa: "Maafilah yang Aziz Shamsuddin terlibat. Saya dah beri amaran pada dia. Sepatutnya saya dah pecat dia tapi macam saya katakan, kes ini dah tutup."

Aziz merupakan setiausaha politik Dr Mahathir.

Musa berkata Anwar tidak memberitahunya perkara-perkara itu yang dikatakan diberitahu oleh Dr Mahathir kepada Anwar semasa pertemuan di kediaman rasmi Perdana Menteri selepas sambutan Hari Kemerdekaan tahun lepas.

Sebelum itu, beliau memberitahu mahkamah yang beliau tidak memaklumkan Anwar bahawa tohmahan terhadap bekas menteri kewangan itu palsu dan tidak berasas.

Musa berkata beliau telah mengambil pernyataan daripada Anwar pada 19 Ogos 1997, mengikut Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah sebagai saksi.

Musa, yang memberitahu mahkamah bahawa semasa pengambilan pernyataan itu Anwar menafikan semua tohmahan terhadapnya, berkata tiada siapa yang melantik beliau menjadi pegawai penyiasat kes itu berkaitan laporan yang dibuat oleh pegawai pengiring Anwar ASP Zull Aznam Haron.

Semasa ditanya sama ada beliau tahu mengenai tindakan pengarah Cawangan Khas ketika itu Datuk Mohd Said Awang menghantar laporan kepada Perdana Menteri, Musa berkata beliau tidak diberitahu mengenainya.

Mengenai cadangan peguam bahawa Anwar tidak mengarahkannya untuk tidak menghantar kertas siasatan kepada Peguam Negara, Musa berkata ianya tidak benar.

Katanya lima dokumen termasuk surat penarikan balik yang diterimanya telah mempengaruhi beliau untuk mencadangkan supaya siasatan dalam kes itu diberhentikan dan kemudian mengesyorkan demikian kepada Peguam Negara.

Semasa ditanya mengenai pengambilan contoh darah bagi ujian DNA, Musa berkata beliau pasti bahawa Anwar tidak memberitahunya yang beliau telah merujuk perkara itu kepada Dr Mahathir yang kemudian memberitahu ianya tidak perlu.

Beliau berkata contoh darah diambil daripada Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha sulit Anwar, isterinya Shamsidar Taharin dan anak bongsu mereka, Afifah pada 29 Julai lepas bagi ujian DNA. Shamsidar didakwa oleh Ummi

Hafilda, adik Azmin, sebagai mempunyai hubungan intim dengan Anwar dan mensyaki Afifah sebagai anak Anwar.

Ummi Hafilda merupakan penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri yang dihantar kepada Perdana Menteri bersama surat pengakuan bersumpah oleh Azizan Abu Bakar yang mendakwa dia diliwat oleh Anwar.

Musa berkata beliau mengetahui bahawa Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor telah mengumumkan mengenai hasil ujian itu yang mengesahkan bahawa kedua-dua mereka (Azmin dan Shamsidar) merupakan ibu bapa biologikal Afifah.

Pada peringkat ini, Fernando bertanya Musa sama ada beliau bersetuju bahawa keputusan ujian saintifik yang mengesahkan bahawa Azmin dan Shamsidar sebagai ibu bapa kanak-kanak itu membuktikan dakwaan serius Ummi Hafilda itu dibuktikan palsu dan tidak berasas.

Soalan itu dibantah oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed tetapi mahkamah membenarkan dan Musa berkata ujian DNA itu hanya mengesahkan satu daripada tohmahan itu tidak betul, bahawa Afifah bukan anak Anwar.

Peguam kemudian meminta Musa membawa salinan laporan DNA itu dan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah bahawa laporan itu akan cuba dikemukakan kepada mahkamah.

Semasa ditanya lebih lanjut mengenai kenyataan dakwaan Ummi Hafilda, Musa berkata wanita itu hanya menulis apa yang telah dikatakan oleh Shamsidar kepadanya iaitu Anwar ialah kekasihnya dan bapa kepada anak itu.

"Perkara itu telah menimbulkan syak wasangka kepada Ummi Hafilda oleh itu tohmahan adalah dibuat sendiri oleh Shamsidar," katanya.

Musa kemudian bersetuju dengan cadangan peguam bahawa syak wasangka Ummi Hafilda adalah terbukti palsu dan tidak berasas.

Ketika ditanya mengenai isu lain iaitu berkaitan tilam, Musa berkata beliau tidak tahu apabila Anwar mengosongkan kediaman rasminya, kesemua tilam-tilam dan bantal-bantal ditinggalkan di rumah itu tetapi mengakui tahu mengenai peraturan yang semua harta kerajaan mesti ditinggalkan.

-- BERNAMA  
NHD KHY RON